KEMENTERIAN DIGITAL

https://digital.gov.my
03-8000 8000

YB Gobind Singh Deo
MENTERI DIGITAL

YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong
TIMBALAN MENTERI DIGITAL

Fabian Bigar
KETUA SETIAUSAHA

Shakib Ahmad Shakir bin Jamaluddin
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
(STRATEGIK & PENGURUSAN)

MA. Sivanesan a/l Marimuthu @ Muthiah
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
(PEMBANGUNAN DIGITAL)

VISI
Peneraju Agenda Pendigitalan Negara.

MISI
Meneraju pendigitalan negara secara holistik dan inklusif, serta memperkukuh ekosistem digital negara yang dipercayai dan bertaraf dunia.

7 Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Digital

- JABATAN DIGITAL NEGARA
- JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
- CYBERSECURITY MALAYSIA
- DIGITAL NASIONAL BERHAD
- MALAYSIA DIGITAL ECONOMY CORPORATION
- MyDIGITAL CORPORATIION
- MYNIC BERHAD

5 Fungsi dan Peranan

1. Mempertingkat kecekapan perkhidmatan digital kerajaan dan kebolehcapaian oleh rakyat.
2. Mempertingkat prasarana digital serta akses digital untuk mengurangkan keterbatasan dan jurang literasi kepada rakyat.
3. Memperkasa ekosistem digital dan menggalakkan pembangunan bakat digital tersedia masa hadapan seiring perkembangan teknologi digital terkini.
4. Memperkukuh institusi kawal selia data bagi meningkatkan kebolehpercayaan, ketelusan, dan akauntabiliti.
5. Memperkukuh tadbir urus dan pembangunan kapasiti digital sektor awam.


Pencapaian

1 Kerajaan Digital 2024
- NAIO Pejabat AI Kebangsaan
- *Chatbot AI@JDN*
- JTISA
- *MyGov Net*
- MADANI *NET

2 Ekonomi Digital 2024
- Pelaburan Digital
- Transformasi Digital Perniagaan PMKS
- *GAIN*
- PRIME
- MDX 2024
- DE Rantau

3 Masyarakat Digital 2024
- AI untuk Rakyat
- Portal Rakyat Digital
- *Cyber DSA*
- Siber KASA
- Pelaksanaan 5G yang dipercepatkan
- *My Digital Maker*
- MyDCF
- 42 Malaysia

4 Akta yang Dikuatkuasakan
- Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709]
- Akta Perkongsian Data 2025 [Akta 864]
- Akta Tandatangan Digital 1997 [Akta 562]
- Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007 [Akta 680]



KEMENTERIAN DIGITAL
JABATAN DIGITAL NEGARA

https://www.jdn.gov.my/

03-8000 8000

Ditubuhkan pada 12 Disember 2024

Ts. Nik Zalbiha binti Nik Mat
KETUA PENGARAH

FUNGSI UTAMA

- Menyelaras dan melaksana tatakelola program nasional dan projek pendigitalan kerajaan.
- Menerajui transformasi perkhidmatan digital dan pelaksanaan *GovTech* berdasarkan pendekatan *Whole of Government (WoG)* mengikut sektor perkhidmatan.
- Menerajui pembangunan dan pelaksanaan perkhidmatan sepunya digital yang merentas agensi.
- Merancang, mengurus dan menyelaras maklumat strategik dan analitik.
- Menerajui dan melaksana perkhidmatan gunasama infrastruktur digital kerajaan.
- Menerajui perancangan, pembangunan dan pelaksanaan kompetensi dan kerjaya Pegawai Perkhidmatan Sistem Maklumat.

VISI

Kerajaan Digital Mampan Pemangkin Negara Digital.

MISI

Memacu pendigitalan penyampaian perkhidmatan kerajaan melalui pemantapan tatakelola, pemanfaatan kepintaran data, pemerkasaan bakat dan adaptasi teknologi baharu ke arah perkhidmatan yang efisien, cerdas, selamat dan tangkas.

INISIATIF

1 Libat urus E2E bersama agensi sektor awam (Kementerian dan PSUK Negeri)

PENCAPAIAN OGOS 2024	PERKHIDMATAN E2E
	69.38%

2 Perluasan penggunaan platform MyGDX & Pembangunan API bagi perkongsian data merentas agensi

PENCAPAIAN DISEMBER 2024	AGENSI MENGGUNAKAN MyGDX
	60

3 MADANI*NET Merapatkan Jurang Digital Dalam Penjagaan Kesihatan

PENCAPAIAN NOVEMBER 2024	KLINIK KESIHATAN DI KAWASAN LUAR BANDAR
	8

Seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak berjaya dihubungkan dengan MADANI*NET

4 Peluasan penggunaan platform pengkomputeran awan di bawah *Cloud Framework Agreement* (*MyGovCloud@CFA*)

PENCAPAIAN DISEMBER 2024	KEMENTERIAN
	12

Sumber: JDN, Statistik sehingga Disember 2024

Pencapaian:

MyGovNet

10,306 saluran — menjana MyGov*Net.WAN, menghubungkan 239 agensi Kerajaan dengan lancar

57,000 pengguna — merentasi 103 agensi, kini disambungkan melalui MyGov*Net.PCN

62 Pejabat — Perwakilan Malaysia di luar negara melalui MyGov*Net.Global

Chatbot AI@JDN

1 Platform Chatbot — telah diluncurkan pada 22 Julai 2024

5,928 Jumlah Pertanyaan — diterima oleh JDN sehingga November 2024

Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA)

84 projek ICT

Projek ICT dinilai dan diluluskan oleh JTISA dari Januari hingga Disember 2024, dengan jumlah kos projek sebanyak RM2.9 bilion





https://www.pdp.gov.my/

03-8000 8000

Ditubuhkan pada 16 Mei 2011

Norman anak Peter
TIMBALAN KETUA PENGARAH

FUNGSI UTAMA

Mengawal selia pemprosesan data peribadi individu yang terlibat dalam urus niaga komersial oleh pengguna data supaya tidak disalahguna dan disalahpakai oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

VISI

Peneraju utama dalam melindungi kepentingan data peribadi dalam mencapai kesejahteraan sebagai negara maju yang selari dengan agenda transformasi negara.

MISI

Mengawal selia perlindungan data peribadi untuk mewujudkan kepercayaan di kalangan pengguna yang menyumbang kepada peningkatan transaksi komersial.

Inisiatif

- **Persidangan Perlindungan Data Peribadi**

  Enam persidangan dilaksanakan pada 2024 melibatkan zon tengah, utara dan timur secara fizikal dan dalam talian.

- **Pindaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010[Akta 709]**

  Akta Pelindungan Data Peribadi 2010(Pindaan) telah diwartakan pada 17 Oktober 2024.





PROGRAM LATIHAN DAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN DIGITAL

1 Latihan untuk Pegawai

Bengkel Penyediaan dan Pengurusan Kertas Siasatan Pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi.

2 Latihan untuk Rakyat

Ceramah, pengguna data/organisasi dan orang awam boleh memohon penceramah dari Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi.

Sumber: JPDP, Statistik sehingga Disember 2024

CyberSecurity MALAYSIA

https://www.cybersecurity.my/

03-8800 7999

Ditubuhkan pada 20 Ogos 2007

Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

FUNGSI UTAMA

Melindungi dan memperkuat keselamatan siber Malaysia.

VISI

Menjadi peneraju keselamatan siber global yang dipercayai dan unggul dalam memacu kepercayaan digital.

MISI

Untuk menyediakan perkhidmatan keselamatan siber yang komprehensif dan inovatif, melindungi aset digital negara, serta memperkukuhkan kesedaran dan keupayaan keselamatan siber dalam kalangan rakyat Malaysia.

INISIATIF

Jaringan kerjasama antara negara-negara dalam meningkatkan pembangunan kapasiti *Digital Trust*

- **1** pemeteraian kerjasama.

Jelajah Anti-Scam Kebangsaan (JASK)

- Disertai **7,202 peserta** melibatkan tiga negeri iaitu Johor, Kedah dan Perak.

Program *PODCAST*

- Bual bicara mengenai kesedaran keselamatan siber melalui saluran youtube CSM.
- **3** acara penganjuran *PODCAST.*

Professional Cybersecurity Certification (Global ACE)

- Meningkatkan set kemahiran tenaga kerja keselamatan siber selaras dengan keperluan tempatan dan antarabangsa.
- **100 individu** profesional yang ditauliahkan.

Latihan Keselamatan Siber di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia *(Malaysia Technical Cooperation Program – MTCP)*

- Penganjuran Latihan Keselamatan Siber di bawah Program MTCP dengan kerjasama Kementerian Luar Negeri bertujuan penyediaan latihan dan nasihat teknikal dalam bidang keselamatan siber.
- **10 penerima** Latihan MTCP.

Program Pre-emtif Risiko Keselamatan Digital Negara: Mengenal pasti, Menganalisis, dan Meminimumkan Ancaman Terhadap Negara

- Penyediaan Platform Kuantitatif Indeks Perisikan Risiko Keselamatan Siber bagi mengenal pasti, menganalisis, dan meminimumkan ancaman terhadap negara.
- **100% aktiviti** pengumpulan data ancaman siber tahap 1 daripada 5.

SiberKASA *Awareness*

- Meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan siber dan menggalakkan pengamalan terbaik oleh individu dan organisasi di seluruh Malaysia.
- **534 peserta** menjalani latihan dalam Program Latihan Keselamatan Siber sepanjang tahun 2024.

Perkhidmatan Responsif Keselamatan Siber

- CYBER999
- Forensik Digital
- *MyCERT* (Pasukan Tindakbalas Kecemasan Komputer Malaysia)

Sumber: *Cybersecurity* Malaysia, Statistik sehingga Disember 2024

https://mdec.my/

1-800-88-8338

DITUBUHKAN PADA TAHUN 1996

Anuar Fariz Fadzil
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

FUNGSI UTAMA

Membangunkan ekonomi digital melalui inisiatif berimpak tinggi, pelaburan strategik serta dasar yang inklusif dan mampan.

VISI

Menjadikan Malaysia sebagai hab pilihan utama untuk perniagaan dan bakat digital bertaraf dunia.

MISI

Memacu ekonomi digital melalui inisiatif pemangkin yang berimpak tinggi, pelaburan strategik dan mampan serta dasar yang inklusif.

INISIATIF

01 *Malaysia Digital Tourism*

- Program DE Rantau membangunkan Malaysia sebagai Hab Nomad Digital pilihan utama di ASEAN
- Malaysia disenaraikan di tangga **ke-15** di dunia dan **pertama** di Asia Tenggara dalam *Global Digital Nomad Index* oleh *Global Intelligence Unit pada tahun 2024.*

02 Institut Premier Teknologi Digital *(Premier Digital Tech Institutions)*

- Mengiktiraf dan menaiktaraf Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang cemerlang dalam pelaksanaan dan penggunaan teknologi digital.
- Ogos 2024: **7 IPTA, 10 IPTS** dan **7 Politeknik.**

03 Pelan Tuju Strategik eDagang Kebangsaan *(National E-commerce Strategic Roadmap-NESR)*

- Jumlah pendapatan e-dagang meningkat hampir tiga kali ganda dari **RM398 bilion pada 2015** kepada **RM1,153 bilion pada 2023.**

04 *MyDigitalmaker*

- Gerakan mendekatkan generasi muda, khususnya pelajar sekolah, kepada teknologi seperti pengekodan, pembuatan 3D, dan kecerdasan buatan (AI).
- Lebih **2.6 juta pelajar** telah menyertai aktiviti pembuatan digital.

05 *#mydigitalworkforce*

- Mewujudkan tenaga kerja memenuhi keperluan ekonomi industri digital.

06 Jelajah Saya Digital

- Seramai **87,199 individu** telah menerima manfaat daripada siri jelajah ini di **82 lokasi** seluruh negara pada tahun 2024.

07 *Gateway, Amplify, Invest and Nurture(GAIN)*

- Direka untuk memperkasakan syarikat teknologi tempatan dalam ekspansi perniagaan global.
- **300 syarikat tempatan** berteknologi tinggi telah mendapat manfaat dari program ini.

08 eUsahawan

- Latihan kemahiran digital untuk PKS di Malaysia, fokus pada pemasaran digital, media sosial, dan e-dagang.
- Lebih 630,000 usahawan dan graduan dilatih, dengan impak jualan melebihi **RM1.32 bilion** pada **Disember 2024.**

09 *Malaysia Digital (MD) AgTech*

- Memangkin transformasi dan digitalisasi dengan kesedaran dan latihan 4IR.
- Lebih **30 projek** rintis menjelang tahun 2025.

10 Program Bagi Pendigitalan PMKS di Malaysia-100 *Go Digital*

- Membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di Malaysia mendigitalkan proses perniagaan.
- **82,242 PMKS** telah mendigitalkan operasi mereka pada **Disember 2024**.

Sumber: MDEC, Statistik sehingga Disember 2024

MyDIGITAL®

https://www.mydigital.gov.my/

03-8861 8282

Ditubuhkan pada 13 September 2021

Adrian Marcellus
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

FUNGSI UTAMA

Melaksanakan peranan sebagai Pejabat Pengurusan Perubahan Strategik untuk merajui pengurusan perubahan peringkat kebangsaan dalam memacu pelaksanaan inisiatif di bawah Pelan Tindakan Ekonomi Digital Malaysia dan Dasar 4IR Negara.

Visi

Menjadikan Malaysia sebagai peneraju serantau dalam ekonomi digital dan mencapai pembangunan sosioekonomi yang inklusif, bertanggungjawab, dan lestari.

Misi

Menyelaras dan memantau pelaksanaan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia dan Dasar Revolusi Industri Keempat (4IR) Negara.

Mengurus perubahan dan menangani isu serta risiko bersama pihak berkepentingan di peringkat Persekutuan dan Negeri.

Meningkatkan kerjasama antara sektor awam, swasta, akademia, dan masyarakat sivil untuk memacu kemajuan sosioekonomi.

Mempromosikan kepimpinan pemikiran MyDIGITAL di peringkat tempatan dan global.

INISIATIF

MALAYSIA CENTRE FOR THE FOURTH INDUSTRIAL REVOLUTION (MYCentre4IR)

a) **Transformasi Digital**
- i.Program Inovasi ESG - Meningkatkan penggunaan digital semasa Program Inovasi ESG.
- ii.Bengkel Tadbir Urus AI (*ISIS & Microsoft*) - Penerbitan sebuah kertas putih semasa Bengkel Tadbir Urus AI (*ISIS & Microsoft*).
- iii.Sesi Meja Bulat Serantau (AISG) - Berjaya menghimpunkan pemimpin di Sesi Meja Bulat Serantau (AISG).

b) **Peralihan Tenaga**
- Program Literasi Tenaga: Tingkat kesedaran rakyat mengenai tenaga boleh diperbaharui.
- Bengkel TIC: Sokong strategi karbon rendah mengikut keperluan negeri.
- CENMAT Japan *(WEF)*: Perkongsian pengalaman Malaysia di platform global.
- Seminar Nuklear Malaysia-Korea: Bincang potensi tenaga nuklear dalam campuran tenaga bersih.

c) **Libat Urus Ekosistem**
- Ulang Tahun Pertama: Pelancaran laman web, cabaran ESG, kursus tenaga, dan kertas putih ekonomi gig.
- *Global Technology Retreat (WEF)*: Pengiktirafan antarabangsa dan hubungan strategik.
- Pelancaran *C4IR* Vietnam: Malaysia diketengahkan sebagai contoh amalan terbaik.

d) **Keselamatan AI Serantau**
- Deklarasi Penubuhan Rangkaian Keselamatan AI *ASEAN: MYCentre4IR* pimpin penyediaan kertas cadangan yang diterima dalam ADGSOM 2024 untuk kelulusan ADGMIN 2025.

PLATFORM RAKYAT DIGITAL

- Satu portal rakyat telah dibangunkan.
- 2 kursus *CyberSAFE* untuk rakyat dan Generatif AI.

PENUBUHAN PEJABAT KECERDASAN BUATAN KEBANGSAAN (NAIO)

Pejabat Kecerdasan Buatan Kebangsaan telah dilancarkan pada 12 Disember 2024.

PROGRAM LATIHAN DAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN DIGITAL UNTUK RAKYAT MALAYSIA (AWAM/SWASTA)

Executive Digital Leadership Programme (EDLP)

Memperkasakan eksekutif di sektor awam dan swasta dengan kemahiran kepimpinan dan pengetahuan yang diperlukan untuk berkembang dalam ekonomi digital.
2024: 5 kohort dengan 205 peserta.
Sektor Awam: 158 0rang.
Sektor Swasta: 47 orang.

Digital Citizen Programme

Direka untuk melengkapkan pegawai kerajaan dengan kemahiran penting untuk mengemudi dunia dipacu data yang dipengaruhi oleh AI.

Japan Toshiba *Big Data Agreement*
- disertai 82 orang.

Portal Rakyat Digital

Menawarkan kursus dalam talian percuma mengenai teknologi baharu, termasuk AI.

Tiga kursus yang kini tersedia ialah:
- *CyberSAFE* Untuk Rakyat.
- AI Untuk Rakyat.
- Pengenalan kepada AI Generatif.

Sumber: MyDIGITAL *Corporation*, Statistik sehingga Disember 2024

PEJABAT AI KEBANGSAAN (NAIO)

https://ai.gov.my/

Ditubuhkan pada 28 Ogos 2024

Shamsul Izhan Abdul Majid
KETUA PEJABAT AI KEBANGSAAN (NAIO)

Menerajui agenda AI negara dengan misi menjadikan Malaysia sebagai antara pemain utama di rantau ASEAN dan diperingkat antarabangsa.

7 Hasil Utama NAIO

01. Pelan Tindakan Teknologi AI 2026–2030
Pelan hala tuju strategik untuk meningkatkan daya saing Malaysia dan keyakinan pelabur asing.

02. Rangka Kerja Kawal Selia Penggunaan AI
Kerangka kerja kawal selia untuk menggalakkan penggunaan AI yang beretika dan mampan.

03. Mempercepat Adaptasi Teknologi AI
Mempromosikan penggunaan AI secara meluas dalam sektor utama Malaysia.

04. Kod Etika AI
Memastikan penggunaan AI yang bertanggungjawab dan beretika sepanjang keseluruhan rantaian nilai pengurusan.

05. Kajian Impak AI untuk Kerajaan
Menilai keberkesanan penggunaan AI dalam sektor kerajaan.

06. Laporan Trend AI Kebangsaan
Gambaran keseluruhan pasaran mengenai kematangan perkembangan AI dalam sektor terpilih.

07. Set data yang berkaitan dengan teknologi AI
Data untuk membangun dan melaksanakan inisiatif khusus untuk kumpulan sasaran.

3 Peranan dan Tanggungjawab Utama

Mengetuai inisiatif-inisiatif AI
Memimpin inisiatif yang memanfaatkan AI untuk mengukuhkan ekonomi digital,menigkatkan perkhidmatan awam, dan menyumbang kepada matlamat pembangunan mampan.

Memperkasakan Infrastruktur AI
Mendorong pembangunan infrastruktur AI yang kukuh,menggalakkan penggunaan, penyelidikan, dan pengkomersialan AI.

Memudahkan Kerjasama Serantau
Mempromosikan penyertaan Malaysia dalam perkembangan AI serantau, terutamanya dalam ASEAN.

Panduan Praktikal

Kod Etika Kecerdasan Buatan telah diterbitkan pada 2024.

Sumber: NAIO, Statistik sehingga April 2025

Digital Nasional

https://www.digital-nasional.com.my/

03-8872 3386

Ditubuhkan pada 1 Mac 2021

Datuk Azman Ismail
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

FUNGSI UTAMA

Melaksanakan infrastruktur dan rangkaian 5G ke seluruh negara.


VISI

Menjadikan Malaysia sebagai peneraju serantau dalam ekonomi digital melalui pelaksanaan dan penggunaan teknologi 5G yang meluas.

MISI

Untuk mempercepatkan penyediaan dan penggunaan 5G untuk mendokong transformasi Malaysia menjadi peneraju ekonomi digital serantau serta memupuk masyarakat yang lebih inklusif.

PELAKSANAAN TEKNOLOGI 5G OLEH DIGITAL NASIONAL BERHAD (DNB)



PENCAPAIAN 2024	PENGGUNA 5G DI MALAYSIA **18.2 JUTA**
82.4% RANGKAIAN 5G MALAYSIA	TAPAK 5G BERJAYA DIBANGUNKAN **7,485**
KADAR PENEMBUSAN 48.7%	JUMLAH LANGGANAN **49,597.9 JUTA**

INISIATIF

5G *Enterprise Adoption*

PENCAPAIAN 2024

16 PELAKSANAAN PROJEK

Pembangunan ekosistem 5G, secara mampan dan menyeluruh, dapat mengupayakan solusi *end-to-end* 5G bagi enterprais merentasi semua sektor ekonomi.

16 Projek *5G Enterprise Adoption*

01 Petronas RGTSU	05 Petronas PCOGD	09 Petronas Carigali-*Offshore Platform* (Kasawari	13 SUKMA 2025
02 Petronas MLNG	06 Universiti Teknologi PETRONAS (UTP)	10 *TransOcean*, Penang	14 eMoovit
03 Petronas KIP	07 KPJ Damansara 2	11 *Clarion*, Penang	15 CelcomDigi *Experience Centre*
04 Petronas MRCSB	08 SD Guthrie, Pulau Carey	12 Hari Merdeka 2024- RTM	16 *Sunway Mall*

Program Latihan Akademi My5G *Ericsson Malaysia Pioneers Programme*

Sebuah program akademik dalam talian berkenaan teknologi digital dan 5G yang dilaksanakan secara percuma untuk semua pelajar di peringkat pengajian tinggi di seluruh negara.

PENCAPAIAN 2024

PENYERTAAN PESERTA **24,425**

Lawatan Pengalaman 5G "*My5G Portal*"

Bilangan pengunjung ke pusat pengalaman My5G Portal.

PENCAPAIAN 2024

PENGUNJUNG **5,020**

Sumber: DNB Berhad, Statistik sehingga Disember 2024

https://mynic.my/

03-8008 2000

Ditubuhkan pada tahun 2021

Datuk Ts. Hasnul Fadhly Hasan
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Fungsi Utama

Mengurus dan mentadbir Pusat Maklumat Rangkaian Negara dan Sistem Nama Domain (DNS).MY.

Visi

Visi kami adalah untuk menjadi Pendaftaran Domain Tahap Atas (TLD) bertaraf dunia dalam mempromosikan .my dan sebagai pemangkin untuk inisiatif ekonomi digital.

Misi

Kami berdedikasi dan komited dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik dalam kelas kepada pelanggan kami yang dihargai.

Inisiatif

Globalisasi Nama Domain .MY

Membuka pendaftaran nama Domain dibuka kepada pasaran antarabangsa.

Pencapaian 2024:

Pada Januari 2023 Nama Domain dibuka pada pelanggan luar Malaysia melalui *Registrar* (wakil jualan) domestik.

2023 - Jun 2024 , Sistem & polisi domain.MY menjalani pelbagai proses penambahbaikan.

60 ***Registrar*** **Antarabangsa** Telah dilantik sebagai penjual sah nama domain .MY .

28,544 **pendaftar** Pendaftaran baharu nama domain .MY telah direkodkan pada Disember 2024.

Kawalan Penyalahgunaan Nama Domain .MY

Pemantauan proaktif bagi menangani sebarang penyalahgunaan terhadap nama domain .MY tidak melebihi 0.02%.

PRIME (Program Realisasi Impian Ekonomi Digital): Memperkasakan Keusahawanan Digital

Membantu individu dan perniagaan Malaysia bagi memulakan perjalanan pendigitalan mereka.

Pencapaian 2024:

26 **Sesi Latihan PRIME**
diselaraskan di seluruh negara

1071 ***Peserta***
telah menyertai program PRIME

Sesi Latihan PRIME ini dikendalikan dengan kerjasama bersama pelbagai organisasi:

- UTEM Melaka
- Perdasama Kuala Terengganu
- IKMa dalam talian
- KUSKOP,Kuching
- ELoKAL, Melaka
- TEKUN
- MAIWP
- HRDCorp
- SIP Perkeso
- FAMA
- CSR MADANI(Kg Masjid)

Sumber: MyNIC Berhad, Statistik sehingga Disember 2024